



SIARAN AKHBAR 03/2025


**OPERASI URSA HEAL 2 BANTERAS PENGEDAR DAN PENGGUNA DADAH
DI RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA KAMPONG BUKIT BERUANG**

Bandar Seri Begawan, 25 Mac 2025

Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah menjalankan Operasi *Ursa Heal 2* pada **18 Mac 2025**. Operasi yang melibatkan seramai **164 anggota** ini menumpukan kepada pengedar dan pengguna dadah di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong (Kg.) Bukit Beruang, Daerah Tutong. Operasi ini adalah operasi susulan yang telah dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2024 yang lalu.

Operasi *Ursa Heal 2* telah berjaya menahan **20 individu** berumur antara 18 hingga 52 tahun kerana diketahui terlibat dalam penyalahgunaan dan pengedaran dadah dengan jumlah rampasan dadah sebanyak **19.33 gram** Syabu. Turut dirampas:

- Alat perkakas yang diubahsuai untuk menyalahgunakan dadah
- Satu (01) unit telefon bimbit dipercayai digunakan dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah.
- Peralatan dipercayai digunakan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti alat timbangan digital, plastik lutsinar kosong dan gunting.





Salah seorang tangkapan akan turut disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar, yang mana, jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dirampas, boleh membawa hukuman maksima 20 tahun penjara dan 15 sebatan dan hukuman minima 05 tahun penjara dan 05 sebatan. Beliau adalah tangkapan berulang dan mempunyai kes yang masih menunggu proses pendakwaan.



Hasil pemeriksaan di tempat kejadian juga telah menjumpai pelbagai barang tegahan, termasuk beberapa karton rokok, rokok elektronik (*vape*) dan jus *vape*. Kes ini telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan selanjutnya.



Operasi ini merupakan salah satu usaha BKN dalam pembasmian kegiatan jenayah dadah di kawasan RPN Kg. Bukit Beruang yang dikenal pasti sebagai salah satu *hotspot* jenayah dadah di Daerah Tutong. BKN ingin menegaskan bahawa pihaknya akan terus menjalankan tugas-tugas pembanteras dadah dengan menyasarkan pengguna dadah tegar yang telah menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan penduduk setempat.

BKN ingin menekankan pendirian toleransi sifar terhadap jenayah dadah dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa sahaja yang didapati terlibat dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Biro Kawalan Narkotik
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Brunei Darussalam

24 Ramadhan 1446H / 25 Mac 2025M